



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 DISEMBER 2019 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- | | |
|--|----|
| - Henti guna beg, penyedut plastik | 52 |
| - 200 Pelajar terima bantuan persekolahan | 53 |
| - Peraturan khusus urus sisa pepejal tahun depan | 50 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 20 DISEMBER 2019 (JUMAAT)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Henti guna beg, penyedut plastik
Muka Surat	52

Henti guna beg, penyedut plastik

BH 20/12/19 ms 52

Selangor
rancang tindakan
lebih tegas

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Peniaga yang masih membekalkan beg dan penyedut minuman plastik mungkin tidak dibenarkan memperbaharui lesen perniagaan pada masa depan.

Kerajaan negeri merancang untuk memperkenalkan langkah lebih tegas secara berperingkat, termasuk tidak memperbaharui lesen perniagaan peniaga yang gagal mematuhi syarat lesen berkaitan pembekalan beg dan penyedut minuman plastik.

EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi, Hee Loy Sian, berkata kerajaan negeri bukan berniat menakutkan peniaga atau pelanggan, sebaliknya ia mencerminkan pihaknya tidak berkompromi dalam mengurangkan penggunaan bahan plastik

di Selangor.

"Kita akan buat secara berperingkat-peringkat, kita bukan hendak menakutkan pelanggan dan peniaga, kita tidak terus tarik atau tidak bagi mereka perbaharui lesen kerana itu masih dalam perancangan.

"Kita akan buat klausa ini dalam pelesenan, kemudian mendidik dan beri amaran dahulu supaya mereka mematuhi yang ditetapkan, kita akan bagi masa sedikit kepada pengusaha," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Kempen Kepenggunaan dan Hari Terbuka Pelesenan Peringkat MBSA 2019, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Haris Kasim.

Loy Sian berkata, penguatkuasaan itu membabitkan pengusaha berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) sahaja.

"Peniaga pasar malam, pasar tani atau pasar pagi tidak ada dalam kategori ini. Kita akan guna kempen berlainan untuk mendidik mereka sebelum menjalankan penguatkuasaan.

"Seperti di pasar malam kita galakkan mereka guna bekas



Loy Sian (lima dari kiri) dan Haris (empat dari kiri) bersama penerima anugerah selepas menyempurnakan Kempen Kepenggunaan dan Hari Terbuka Pelesenan Peringkat MBSA 2019, di Shah Alam, semalam. (Foto Ihsan MBSA)

biodegradable, pembalut kertas atau pelanggan bawa bekas dari rumah," katanya.

Sementara itu, Haris pula mengumumkan MBSA akan menyeragamkan khemah peniaga di kawasan pentadbirannya, secara berperingkat.

Katanya, untuk peringkat per-

mulaan pelaksanaan itu akan dikenakan terhadap peniaga bazar Ramadan di 31 lokasi dalam kawasan MBSA, yang akan wajibkan menggunakan khemah yang disediakan oleh PBT itu.

"Pasa berikutnya di pasar malam, pasar pagi dan mana-mana peniaga dalam kawasan MBSA

yang guna khemah kita tidak mahu bermacam-macam khemah digunakan.

"MBSA akan memberikan diskaun 50 peratus untuk inisiatif pada peringkat awal ini bagi meringankan beban peniaga, terutama yang baru hendak berniaga," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 20 DISEMBER 2019 (JUMAAT)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	200 Pelajar terima bantuan persekolahan
Muka Surat	53

200 pelajar terima bantuan persekolahan

MPS sedia dana
RM400,000
ringan beban
golongan
kurang mampu

Oleh Humaira Azizan
bnews@bh.com.my

Selayang: Program Ceria Kembali Ke Sekolah peringkat Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dapat membantu 200 pelajar dalam kumpulan B40 dan anak yatim membuat perediaan menjelang pembukaan sesi persekolahan baharu bulan depan.

Menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) MPS itu, pelajar terlibat masing-masing menerima set kelengkapan persekolahan seperti beg, baju sekolah dan alat tulis.

Program yang mendapat

kerjasama Jabatan Perpaduan Gombak, Jabatan Khidmat Masyarakat (JKM) Gombak, Mydin Mall Subang Jaya dan QSR Brand itu memabatkan pelajar dari lima kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Rawang, Sungai Tua dan Kuang.

Yang Dipertua MPS, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor, berkata program memperuntukkan dana hampir RM40,000 itu bagi meringankan beban perbelanjaan golongan kurang

**Kami ingin
ceriakan
mereka dengan
beri sedikit
sumbangan seperti
baju, beg sekolah
dan alat tulis.**

**Shamsul Shahril Badliza
Mohd Noor,
Yang Dipertua MPS**

berkemampuan menguruskan kehidupan seharian.

"Kos sara hidup kian meningkat dan kami ingin menceriakan mereka dengan memberi sedikit sumbangan seperti baju, beg sekolah dan alat tulis," katanya selepas majlis itu di Pasaraya Mydin Subang Jaya, di sini, semalam.

Shamsul berkata, pihak korporat lain diharapkan dapat bekerjasama dalam program seperti ini untuk membantu lebih ramai golongan B40 pada masa depan.

Katanya, program kali ini berbeza dengan sebelumnya kerana pelajar berkenaan berpeluang membeli-belah barangan keperluan sekolah sambil beramah mesra dengan kakitangan MPS.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat MPS, Azmi Ismail dan Pengarah Jabatan Korporat, Mohammad Zin Masoad.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 20 DISEMBER 2019 (JUMAAT)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Peraturan khusus urus sisa pepejal tahun depan
Muka Surat	50

Peraturan khusus urus sisa pepejal tahun depan

BH 20/12/19 ms 50

Usaha ke arah
zahirkan
Malaysia jadi
sebuah negara
bersih, indah

Oleh Suhaila Shahrul Annuar
suhaila.shahrul@bh.com.my

Putrajaya: Peraturan khusus bagi pengurusan sisa pepejal daripada sektor pembinaan dan sektor perindustrian, komersial dan keinstitusian (ICI) akan dikuatkuasakan secara menyeluruh bermula tahun depan.

Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Mohammad Mentek, berkata usaha itu adalah ke arah menzahirkan Malaysia menjadi sebuah negara bersih dan indah selaras Dasar Kebersihan Negara.

Katanya, Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal Pembinaan yang diwartakan pada 1 November 2018 akan dikuatkuasakan sepenuhnya bermula 1 Januari 2020 di tujuh negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

Negeri terbabit ialah Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Perlis, Kedah serta Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Selain itu, katanya peraturan pengurusan sisa dari sektor ICI yang diwartakan pada 1 Ogos 2018 pula akan dikuatkuasakan sepenuhnya pada 1 Mac 2020.

"Dengan penguatkuasaan dua peraturan baharu ini, wujudlah Prosedur Operasi Standard (SOP) jelas untuk pengurusan sisa dari sektor pembinaan dan sektor ICI.

"Sebelum ini tiada SOP jelas, maka mereka hanya menguruskan mengikut apa yang difahami.

"Dengan adanya peraturan ini, ia memberikan satu garis

panduan kepada kontraktor atau pemaju untuk menguruskan sisa binaan berdasarkan aturan yang disediakan," katanya.

Sebagai contoh, mereka asingkan sisa binaan seperti kayu dan bekas simen, yang mana ada setengah daripadanya boleh digunakan untuk dikitar semula dan tidak perlu dibuang di tapak pembinaan.

"Kita yakin dengan pelaksanaan peraturan ini, akan mengurangkan jumlah sisa binaan yang dibuang ke tapak pelupusan.

"Mengikut data Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) jumlah sisa binaan bagi tahun ini iaitu setakat Oktober lalu adalah 5.7 juta tan, bayangkan jika ia tidak diuruskan secara efektif dan efisien sudah tentu akan memberi kesan buruk," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang selepas menyempurnakan Majlis Pengiktirafan Perkhidmatan Skim Terbaik 2019 dan Promosi Penguatkuasaan Pera-

turan Sisa Binaan, Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian di sini, semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata pengiktirafan Perkhidmatan Skim Terbaik adalah program tahunan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) yang diberikan kepada syarikat konsepsi yang berjaya melaksanakan perkhidmatan kutipan dan pembersihan awam secara efisien, pemantauan penguatkuasaan dan pembudayaan kitar semula yang efektif.

"Sebanyak sembilan daripada 114 skim perkhidmatan telah disenarai pendek dan hanya tiga skim perkhidmatan terbaik saja yang disenarai pendek," katanya.

Pada majlis itu, skim KDAS01 (Alor Setar, Kedah) dinobatkan sebagai johan apabila diiktiraf sebagai skim terbaik bagi 2019, diikuti skim PHRM01 (Rompin, Pahang) naib johan dan tempat ketiga adalah JHMR01 (Muar, Johor).



Mengikut data Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) jumlah sisa binaan bagi tahun ini iaitu setakat Oktober lalu adalah 5.7 juta tan, bayangkan jika ia tidak diuruskan secara efektif dan efisien sudah tentu akan memberi kesan buruk.

Mohammad Mentek,
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan